

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang 1989/90

Mac/April 1990

SEU309 Pemikiran Ekonomi Islam

Masa: [ 3 jam ]

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TIGA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **EMPAT (4)** soalan sahaja. Tiap-tiap soalan mempunyai markah yang sama.

1. Apakah yang dimaksudkan falsafah ekonomi? Bagaimanakah falsafah ekonomi Islam berbeza dengan falsafah-falsafah ekonomi dominan kini? Bincangkan.

(100 markah)

2. "Ekonomi Islam ialah sebahagian daripada Agama Islam (Addin-ul-Islam)". Ulaskan.

(100 markah)

3. Apakah makna riba dan jenis-jenisnya? Bolehkan pengharaman pinjaman berunsur riba di dalam sistem ekonomi moden ini menjadikan ekonomi ini ekonomi islam? Bincangkan.

(100 markah)

4. Mampukah ekonomi Islam menyelesaikan masalah-masalah ekonomi berikut:-

- i) kemiskinan
- ii) ketaksamaan
- iii) pengangguran
- iv) jenayah kolar putih

Jelaskan.

(100 markah)

5. Huraikan prinsip-prinsip berikut yang dirumuskan daripada al-Qur'an dan Sunnah berhubung dengan kegiatan ekonomi:-

- i) kesepaduan dengan agama dan akhlak
- ii) pengiktirafan hak milik
- iii) keutamaan keadilan

(100 markah)

6. Prinsip-prinsip pengeluaran di dalam Islam boleh dirumuskan dengan pertanyaan-pertanyaan berikut:-

- i) kenapakah diperlukan pengeluaran?
- ii) apakah yang mesti dikeluarkan?
- iii) bagaimakah patut dikeluarkan?

Huraikan.

(100 markah)

7. "Apabila berlaku berbagai-bagai penggabungan di antara usahawan, modal, buruh dan sumber-sumber semulajadi akan mewujudkan model-model pengeluaran yang berbeza.
- (i) Kemukakan berbagai-bagai model pengeluaran yang boleh diwujudkan di dalam masyarakat.
- (ii) Apakah model pengeluaran yang akan anda pilih untuk melaksanakan pengeluaran sekarang? Kenapa? Bincangkan juga masalah-masalah yang mungkin timbul daripada model pilihan anda itu dan langkah-langkah mengatasinya sesuai dengan tuntutan syariah.
- (100 markah)
8. Apakah makna urusniaga atau perdagangan? Terangkan prinsip-prinsip urusniaga di dalam Islam.
- (100 markah)

- oo oo oo -